

02/09/2002

Sistem pendidikan Islam di sekolah perlu perubahan

Mohd Yusof Sulaiman

BENTUK pembelajaran dan pengajian agama Islam di beberapa institut pendidikan di negara ini terutama pondok, madrasah dan sekolah rakyat tidak ubah seperti di beberapa institut pengajian di Pakistan.

Walaupun ada perbezaan dari segi bentuk bangunan, namun ia dilihat mempunyai persamaan natijah iaitu tidak menjamin masa depan pelajar dan memenuhi keperluan tenaga buruh semasa.

Mata pelajaran yang diajar terhad dalam lingkungan pendidikan agama, tanpa menyediakan pendidikan yang boleh membantu mereka memasuki dalam pekerjaan selain guru agama selepas tamat pengajian.

Di Pakistan, dianggarkan 10,000 madrasah dibina di seluruh negara itu membabitkan 1.5 juta hingga 1.7 juta pelajar.

Menteri Hal Ehwal Agama Pakistan, Dr Mahmood Ahmad Ghazi, ketika mendedahkan perkara itu baru-baru ini, mengakui kerajaannya gagal mengawal pertumbuhan madrasah yang dibina hasil sumbangan derma orang ramai.

Malang lagi, pihaknya mengakui kitab atau buku rujukan agama yang digunakan sebahagiannya sudah terlalu lama sehingga mencapai beberapa abad, sedangkan ada buku atau kitab baru lebih wajar dimasukkan sebagai bahan pengajian.

Soalnya, adakah kita ingin meneruskan kaedah pengajian sebegitu di beberapa institusi pendidikan di negara ini sama yang berlaku di beberapa institusi pendidikan Pakistan?

Malah, tidakkah kita menyedari kewujudan sistem pengajian agama yang tidak tersusun itu bakal menyempit kerjaya pelajar pada masa depan? Malah, sistem pengajian yang tidak tersusun turut dikhuatiri menjadi penyebab kemunduran Islam akibat kejumudan terhadap arus kemodenan.

Hal ini bukan saja diakui tokoh ilmuwan tempatan bahkan beberapa tokoh Islam terkenal abad ini antaranya Prof Dr Ahmad Mossad Zaki Badawi, dari The Muslim College London dan Prof Dr Anis Ahmad, dari Institut Pengajian Dasar Pakistan.

Sesungguhnya, jika keadaan ini dibiarkan, lambat laun ia pasti menyebabkan wujudnya individu yang jumud dan berfahaman konvensional serta menidakkan kepentingan ilmu moden bagi kemajuan ummah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapamannya pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur mengenai Islam (Kalif 2002) baru-baru ini, mengingatkan mengenai pentingnya ilmu dalam konteks memperkasakan masyarakat Islam.

Sesungguhnya kepentingan ilmu dalam masyarakat mana sekali pun, adalah hakikat yang tidak sepatutnya dinafikan. Ilmu adalah penentu kepada potensi kepada manusia untuk menzahirkan daya fikir, daya cipta dan daya penerokaan. Masyarakat yang menolak sumbangan ilmu adalah golongan yang bersedia terperap di bawah tempurung.

Justeru, sungguh malang jika masyarakat Islam diasuh supaya mengabaikan kepentingan ilmu. Oleh itu, hujah yang mengatakan ilmu dunia tidak penting adalah satu penipuan kepada bangsa dan agama.

Ini kerana tidak ada sesiapa yang menolak ilmu akhirat. Ia tetap penting tetapi tidak bermaksud ilmu dunia boleh diabaikan, sedangkan bangsa dan agama lain terus meneroka pelbagai bidang ilmu.

Tokoh agama, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata pengajian Islam di semua peringkat di negara ini hendaklah memenuhi tuntutan zaman. Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pendidikan diminta menyediakan tersusun terutama membabitkan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran sepadu dalam

sistem pendidikan Islam di semua peringkat pengajian.

Beliau berkata, perubahan itu mustahak disegerakan kerana bidang agama tidak terhad dalam pengajian hukum-hakam saja, bahkan merangkumi skop pengajian yang luas.

"Tafsiran pengajian agama bukan hanya membabitkan persoalan ibadah dan akhirat. Ia menerangkan pelbagai juzuk kehidupan menyeluruh. Masyarakat kini menyedari bahawa kemajuan sesebuah bangsa bertitik tolak daripada agama. Ini kerana agama mengajak manusia menerokai pelbagai cabang ilmu dalam pelbagai ragam serta perkembangan corak kehidupan," katanya.

Bagaimana pun kenyataan itu berkemungkinan tidak akan tercapai jika pengajian agama disempitkan dalam perkara fardu ain saja.

Justeru kata Dr Ismail, beberapa sistem pengajian Islam di pelbagai peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi perlu berubah dan mengikut perkembangan semasa.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, tidak menafikan kekurangan prasarana pendidikan Islam jitu menyebabkan skop pengajian dan pasaran kerja yang terhad.

Sehubungan itu, katanya rombak semula kursus pengajian hendaklah dilaksanakan oleh kerajaan agar pengajiannya lebih meluas dan tidak terhad dalam skop pengajian yang sempit.

Beliau mengakui kegagalan sistem pengajian Islam tempatan menyediakan kemudahan pengajian agama yang tersusun menyebabkan penghijrahan pelajar ke beberapa institusi pendidikan swasta dan luar negara.